

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JMG415 – Biogeografi

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan daripada **ENAM (6)** soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

SULIT

1. Jelaskan secara ringkas perkara-perkara berikut:
 - (a). Hemikriptofit (5 markah)
 - (b). Floristik (5 markah)
 - (c). Pedosfera (5 markah)
 - (d). Piramid Biojisim (5 markah)
 - (e). Kitar Biogeokimia (5 markah)

2. Bincangkan pendekatan umum yang digunakan dalam menganalisis komuniti tumbuh-tumbuhan dalam peringkat awalan. (25 markah)

3. Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi taburan, keadaan dan jenis tumbuh-tumbuhan di permukaan bumi. (25 markah)

4. (a). Terangkan teori ekosistem yang diperkenalkan oleh Tansley (1935). (10 markah)

- (b). Huraikan struktur ekosistem yang berhubung kait dengan komponen biosfera. (15 markah)

5. (a). Nyatakan takrifan "Pulau Iklim". (5 markah)

- (b). Nilai perkaitan antara perubahan atmosfera dan litosfera terhadap kewujudan pelbagai spesis di kawasan pulau. (20 markah)

6. Bagaimanakah kegiatan manusia mempengaruhi perubahan lanskap terhadap kepelbagaian spesis tumbuh-tumbuhan dan haiwan dalam konteks biogeografi? Berikan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)